

14 SEP 1998

PERISYTIHARAN PASIR MAS TOLAK PERISYTIHARAN PERMATANG PAUH

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Umno Bahagian Pasir Mas hari ini mengeluarkan Perisytiharan Pasir Mas bagi menolak Perisytiharan Permatang Pauh yang dilancarkan bekas Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Bahagian Umno itu Datuk Ibrahim Ali berkata perisytiharan yang dilancarkan oleh Anwar Sabtu lepas itu ditolak kerana seluruh kandungannya telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Perisytiharan (Permatang Pauh) tersebut adalah gubahan semula lagu lama dengan rentak reformasi atas tujuan politik bagi mengabui mata rakyat untuk mendapat simpati dan sokongan," kata Perisytiharan Pasir Mas.

Perisytiharan Permatang Pauh yang mengandungi tujuh perkara sebagai asas perjuangannya untuk membetulkan apa yang didakwa sebagai kepincangan yang berlaku di negara ini.

Ibrahim, yang juga Anggota Majlis Tertinggi, berkata bahagian itu juga bersetuju sebulat suara menyokong dan berdiri teguh di belakang Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Majlis Tertinggi terhadap keputusan melucutkan keanggotaan Anwar daripada parti dan kerajaan.

Bahagian itu mengadakan perjumpaan khas yang dihadiri semua peringkat pimpinan bahagian dan cawangan di Pasir Mas.

Ia juga meminta Anwar supaya menerima keputusan parti dan kerajaan sebagai suratan takdir dengan penuh kerelaan dan kekuatan Iman sebagai seorang Muslim.

Bahagian itu juga menyokong tindakan radikal dan drastik kerajaan pimpinan Dr Mahathir dalam mengatasi masalah kegawatan ekonomi bagi menyelamatkan negara, katanya dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA

NHD SJ